

07/11/2003

Pelajar jadikan Dr Mahathir inspirasi

KUALA LUMPUR: Kesibukan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak menghalang Norhadini Sazali, 17 dan rakannya, Zawatil Badrul Hisham, 17, mengunjungi Pameran Seribu Wajah Dr Mahathir: Penghargaan Untuk Seorang Negarawan di Balai Seni Lukis Negara, semalam.

Norhadini, pelajar Sekolah Menengah (SM) Puteri Titiwangsa, berkata kejayaan Tun Dr Mahathir Mohamad memimpin dan membangunkan negara mampu mencetuskan semangat dan memberinya inspirasi untuk menghadapi peperiksaan.

Beliau berkata, walaupun tidak berpeluang berjumpa Dr Mahathir secara dekat, mereka berbangga kerana sekurang-kurangnya dapat melihat koleksi wajah Dr Mahathir yang dirakamkan dalam tempoh selama 22 tahun.

"Walaupun sedang menghadapi peperiksaan SPM, saya tetap tidak melepaskan peluang menyaksikan koleksi wajah bekas Perdana Menteri.

"Menerusi foto yang dipamerkan, kita dapat dilihat Dr Mahathir adalah seorang tokoh negara yang amat dikagumi, berwibawa dan menjadi contoh kepada generasi muda," katanya.

Rakan sekolahnya, Zawatil pula berkata perwatakan kepemimpinan Dr Mahathir banyak membantu perkembangan pemikiran generasi muda.

"Inilah antara cara rakyat mengucapkan terima kasih atas apa yang dilakukan bekas Perdana Menteri selama ini. Bagi saya, Dr Mahathir berhak mendapat pengiktirafan dan penghargaan seperti ini daripada rakyat," katanya.

Pameran dua bulan yang berakhir 6 Disember ini dianjurkan Kementerian Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan media Malaysia sebagai penghormatan kepada bekas Perdana Menteri.

Sementara itu, Sharon Sofeah Abdullah, 17, berkata kreativiti dan nilai seni yang tinggi dapat dilihat menerusi 1,031 gambar yang dipamerkan itu.

"Saya paling suka melihat gambar Dr Mahathir dikelilingi rakyat pada Perhimpunan Agung Umno 21 Jun lalu kerana ia benar-benar menggambarkan kasih sayang dan keprihatinan rakyat kepada Dr Mahathir," katanya.